

18 OCT 2001

MTUC-Belanjawan

MTUC MAHU BELANJAWAN MUATKAN PENGURANGAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berharap Belanjawan 2002, yang akan diumumkan esok, memuatkan cadangannya supaya cukai pendapatan perseorangan dikurangkan bagi membolehkan pekerja mempunyai wang lebih untuk dibelanjakan.

Presiden MTUC Senator Zainal Rampak berkata ini selaras dengan usaha kerajaan untuk menyemarakkan perkembangan ekonomi melalui penggalakan perbelanjaan dalam negara.

Selain itu, MTUC mencadangkan kerajaan memperkenalkan elaun bantuan khas RM50 sebulan untuk pekerja sektor awam dan swasta bagi membantu mereka yang kehilangan pelbagai elaun insentif akibat kemelesetan ekonomi termasuk sebelum dan selepas serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Kami juga berharap kerajaan memasukkan dalam Belanjawan 2002 supaya pekerja dan majikan masing-masing menyumbang 50 sen untuk dana Skim Penamatan Perkhidmatan," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Zainal berkata cadangan supaya diwujudkan skim seumpama itu dibuat bagi melindungi kebajikan pekerja jika syarikat "gulung tikar" tanpa membayar apa-apa pampasan kepada mereka.

Mengenai program latihan semula, Zainal berkata kerajaan perlu membuat perancangan teratur untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya.

Ini termasuk menyediakan tempat-tempat khas bagi membolehkan pekerja berkenaan mendaftarkan diri untuk menyertai kursus yang disediakan seperti di bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Zainal turut berkata kerajaan perlu mewujudkan perundangan berhubung gaji minimum.

Belanjawan 2002 akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat.

-- BERNAMA

MAM KHY NAK